بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين الرحمن الرحيم

مالك يوم الدين إياك نعبد وإياك نستعين

اهدنا الصراط المستقيم صراط الذين

أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم

ولا الضالين

اللهم صل على

سيد رسلك وخاتم أنبيائك

محمد وآله الطيبين الطاهرين

وصل على جميع الأنبياء والمرسلين

PANCARAN KEKUATAN NEGARA ISLAM

AS-SYAHID AYATOLLAH BAQIR SADR

ISLAMIC MEDIA & COMMUNICATIONS
Kuala Lumpur

© *Hakpenerbit terpelihara. Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa bentuk jua pun tanpa terlebih dahulu mendapatizin bertulis dari ISLAMIC MEDIA & COMMUNICATIONS Kuala Lumpur.*

PANCARAN KEKUATAN NEGARA ISLAM
AS-SYAHID AYATOLLAH BAQIR SADR
Terjemahan
Fadzlullah Shuib

© ISLAMIC MEDIA & COMMUNICATIONS 1983
EDISI PERTAMA 1983.

Diterbitkan oleh
ISLAMIC MEDIA & COMMUNICATIONS
12A, Kompleks Damai, Jalan Lumut,
Kuala Lumpur.
Dicetak oleh
Percetakan Tunasjati Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur.

Dengan rasa kesyukuran yang mendalam terhadap sumbangannya yang amat bernilai demi kepentingan Islam dan sebagai kenangan takzim Ulamak Sayyid Muhammad Baqir Sadr, yang telah gugur Syahid akibat eksekusi oleh Regim Baath Iraq bersama saudara perempuannya Bint Al Huda pada 7hb. April 1980, maka dengan rasa rendah hati buku ini di persembahkan. . . . . .



IMAM AYATULLAH MUHAMMAD BAQIR AL-SADR RH

Asy-Syahid Muhammad Baqir al-Sadr merupakan percikan suci dari sudut keturunannya, jihad serta pemikiran Islam yang dicurahkan olehnya. Dengan hakikat ini beliau dilantik menjadi pemimpin pergerakan Islam yang serba mencabar di Iraq. Tokoh ulama marja'i yang agung ini menggariskan pemikiran Islam yang sungguh kukuh dengan menekankan bahawa Islam melahirkan ideologi yang sempurna untuk menjadi penyelesaian kepada persoalan hidup manusia dari segala dimensinya. Penyelesaian Islam adalah sempurna dan menjadi jawapan yang mutlak kepada segala cabaran hidup.

Imam al-Sadr berdepan dengan kekejaman pemerintah Iraq yang melaksanakan ideologi komunis kafir Baathist dari sudut pergolakan politik. Kepimpinannya yang kukuh menimbulkan kebimbangan pendokong ideologi Ba'ath Komunis lebih-lebih lagi dengan sokongan bulatnya terhadap kemenangan revolusi Islam yang dipimpin oleh Al-Imam al-Khomeini rh. Beliau berikutan dengan itu mengisytiharkan revolusi Islam di Iraq akan meletus dan dengan itu terlaksananya syari'at Islam dibumi Iraq.

Asy-Syahid al-Sadr mengikut jejak langkah pemimpin mustadh'afin di dunia Imam Khomeini. Ketika hampir-hampir kemenangan akan dikurniakan oleh Allah kepada gerakan Islam Iraq. Saddam penjenayah telah mengambil tindakan membunuhnya bersama saudaranya Bintul Huda yang juga merupakan ulama wanita yang paling disegani.

Sebenarnya sebagaimana yang dikatakan oleh Imam Ummat Islam al-Khomeini bahawa beliau merupakan syahid yang keempat diabad ini yang menjadi harapan ummat Islam di masa akan datang. Akan tetapi pendokong komunis Ba'ath telah menumpahkan darahnya yang suci. Sungguhpun begitu suara dan pemikirannya tetap berada bersama kita. Apabila bangsa Iraq mencapai kemenangan Islamnya Insya Allah segala cita-cita dan matlamat Imam Al-Sadr akan terlaksana juga iaitu ummat akan meni'mati pancaran kekuatan negara Islam dan hukum Allah. Kemenangan itu tidak jauh lagi dengan izin Allah...

Syed Jaffar Alsagoff

Pengarah.
ISLAMIC MEDIA & COMMUNICATIONS,
Kuala Lumpur.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Pengkajian berhubung dengan negara Islam (Ad-Dawlah al-Islamiyyah) menjadi begitu penting dari segi syaria't Islam. Ini memandangkan negara Islam merupakan suatu manefestasi untuk menegakkan hukum Allah di atas muka bumi. Disamping itu ianya merupakan suatu pelaksanaan peranan manusia sebagai khalifah Allah. Selain daripada itu pengkajian terhadap cetusan hakikat ini dilihat dari dimensi sumbangan negara Islam dan hukum Islam terhadap kemajuan dan perkembangan yang agung serta keupayaan hukum Allah yang kukuh itu telah membezakannya dari mana-mana percubaan atau teori sosial yang lain.

Di sini kita ingin memperkatakan tentang persoalan di dalam perbahasan kali ini untuk mengenal dengan jelas bahawa negara islam bukan sekadar dilihat dari kepentingan pembangunan dan perkembangan. Ini adalah disebabkan negara Islam merupakan manhaj atau sistem yang tunggal yang mampu memancarkan kekuatan-kekuatan manusia didunia Islam dan mengangkat kedudukannya kepada pusatnya yang tabi'i di atas landasan peradaban kemanusiaan. Selanjutnya membebaskan kehidupan manusia dari berbagai-bagai corak yang melumpuhkan, membekukan dan menghancurkan.

Perbahasan berikut ini akan menerangkan hakikat ini sepanjang kita mengemukakan keutamaan dan ciri-ciri khusus negara Islam yang berdasarkan dua fakta pokok sepertimana berikut:

Pertama: Susunan aqidah yang membezakan negara Islam.

Kedua: Susunan aqidah dan rohaniah bagi individu muslim di dalam kenyataan dunia Islam kita pada masa kini.

SUSUNAN AQIDAH BAGI NEGARA ISLAM

a.Susunan aqidah negara dan matlamat perjalanannya.

Setiap perjalanan yang penuh kesedaran mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Begitu juga setiap pergerakan peradaban mempunyai sasarannya sepanjang pelaksanaannya. Semua perjalanan dan pergerakan terikat dengan matlamatnya yang mendorongnya menuju kematlamat itu serta berjalan dan bergerak kearah pelaksanaannya. Dengan itu matlamat atau sasaran telah mengikat pergerakan dan ianya pada waktu yang sama merupakan kekuatan yang mendorong kepada pelaksanaan menuju kesasarannya serta menukar ciri-ciri pergerakan itu daripada keadaan diam kepada bergerak cergas menuju sasarannya.

Lihat dan perhatikan sahaja kepada seseorang individu yang berusaha dengan gigih di atas landasan untuk mencapai hasil samada dari sudut ilmiah atau penyaksian tertentu nescaya anda akan memerhatikan bahawa dengan gambaran penghasilan di dalam dirinya itu telah mendorongnya bekerja berterusan untuk mencapai matlamat dengan berusaha dengan lebih gigih lagi. Sehingga dia berjaya menghadapi halangan dan kesulitan dan mencapai hasilnya lalu dia berhenti bergerak sehingga wujud pula sasaran yang baru.

Sesuatu perkara sahaja boleh membenarkan andaian yang lain secara keseluruhannya. Ketika lahir atau tumbuhnya suatu matlamat yang besar di dalam pergerakan ketamaddunan nescaya perjalanan akan berterusan dan pencapaian cita-cita menjadi hidup dengan keupayaan yang panjang. Apakala sesuatu matlamat itu terbatas nescaya akan melahirkan pergerakan yang terhad pula. Berikutan dengan itu akan menghasilkan perkembangan dan peningkatan keupayaan yang terus menerus selepas terlaksananya cita-cita yag terbatas itu.

Dari sini sejarah kebendaan atau materialisma menghadapi persoalan apabila dihubungkan dengan pandangan atau teori-teori tentang perjalanan hidup manusia yang bertepatan dengan peraturan dailektika.

Ianya merupakan matlamat yang tidak memiliki kesedaran yang didokong oleh ideologi Marxism yang melihat pergerakan sejarah dan perjalanan hidup manusia. Pergerakan ini telah menghapuskan nilai-nilai perseorangan di dalam masyarakat

untuk meningkatkan kekuatan dan sebagai jalan kearah perkembangan. Pelaksanaan itu melalui peringkat atau tahap yang tertentu dan dengan menegakkan masyarakat komunis. Matlamat perjalanan hidup golongan ini akan terhenti dengan berkembangnya dan tertegaknya masyarakat komunis yang dicita-citakan oleh mereka itu.

Sebenarnya pembebasan jalan perkembagan dan kemajuan komuniti itu merupakan matlamat pergerakan di dalam sejarah manusia. Nescaya sejarah akan berhenti dalam membebaskannya dan mengambil semua kekuatan dan perkembangan yang ada pada manusia untuk tujuan itu.

Pada hakikatnya bahawa matlamat yang tunggal yang mendokong pergerakan ketamaddunan manusia adalah untuk mencapai disepanjang perjalanan dan usahanya yang berterusan itu iaitu matlamat yang mendekatkan manusia dengan mendedahkan perkara baru. Apa yang dimaksudkan di sini adalah perkara yang tidak boleh dilihat tetapi berupaya meningkatkan kegiatan dan kecergasan pergerakan dan perkembangan itu.

Di sini dikemukakan peranan negara Islam yang meletakkan "ALLAH" sebagai matlamat dalam perjalanan hidup insan dan mendokong sifat-sifat dan akhlak Allah yang diumpamakan sebagai petanda-petanda kepada matlamat yang agung ini. Oleh itu sifat-sifat seperti keadilan, ilmu, kekuasaan, rahmat dan pemurah membentuk secara menyeluruh berhubung dengan matlamat perjalanan ummat manusia yang baik. Tatkala langkah-langkah mendekati matlamat ini dan terlaksananya sesuatu perkara darinya dan terbuka dihadapannya pencapaian dan harapan yang gemilang maka bertambahlah keazaman dan tekadnya untuk mencapai jalan tersebut. Ini disebabkan manusia itu amat terbatas untuk sampai kepada Allah secara mutlak akan tetapi ketika dia melalui jalan menuju Allah nescaya dia akan diberi pertunjuk kepada sesuatu yang baru dan menyemarakkan dan jalan yang diusahakan itu semakin bertambah lapang. Firman Allah:

وَالَّذِيْنَ جَاهَدُوْا فِيْنَا لَنَهْدِ يَنَّهُمْ سُبُلَنَا.

Ertinya: *Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keridhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami.* (Al-Ankabut, 69)

Dari sini dapat dirumuskan bahawa manusia yang mendokong negara Islam yang bertitik tolak diawal sejarah ummat Islam telah membuka lembaran baru sejarah yang penuh kegemilangan. Mereka telah menjadikan Allah sebagai matlamat perjuangan mereka yang hakiki bukan menghabiskan masa untuk kepentingan-kepentingan yang lain dariNya. Lebih jauh dari itu mereka menyandarkan perjuangan mereka kepada sifat keadilan mutlak Allah yang menjadi matlamat yang agung dan mengikat perjuangan dan jihad mereka pada jalan Allah. Perjuangan mereka yang tidak terhenti dan terus bergerak dengan kukuhnya menentang kezaliman golongan penindas dan kejahatan golongan thaghut (musuh Allah) bukan sekadar dikampung halamannya semata-mata tetapi juga meliputi negara dan tanahairnya. Bukan sekadar dikalangan anggota bangsa keturunannya semata-mata malah meliputi kesegenap pelusuk dunia.

Maharaja Kisra dari negeri Parsi Purba telah mempersenda-sendakan (dengan kejahatan dan kezalimannya) terhadap soalan yang dikemukakan oleh Ubadah bin As-Shamit ketikamana kaum muslimin menyeru kepadanya untuk memikirkan katadua ummat Islam yang akan memerangi empayarnya. Kedatangan tentera Islam itu adalah untuk membebaskan golongan yang ditindas dan dizalimi olehnya.

Ini bermaksud bahawa keadilan mutlak Ilahi tidak akan habis dan dengan itu matlamat mutlak bernaung selama-lamanya dibawahnya serta memberi keupayaan kepada ummat Islam untuk bergerak dan berjuang. Dengan kurnian Allah yang melimpah ruah itu. Firman Allah:

قُلْ لَّوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمٰتِ رَبِّىْ لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ اَنْ تَنْفَدَ كَلِمٰتُ رَبِّىْ وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهٖ مَدَدًا.

Ertinya: *Katakanlah: "Kalau sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat TuhanKu, sungguh habislah lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimat-kalimat TuhanKu, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula)."* (al-Kahf, 109)

Oleh itu susunan aqidah bagi negara Islam yang terbena di atas asas-asas keimanan kepada Allah dan sifat-sifatNya dan menjadikan Allah sebagai matlamat terakhir di dalam perjalanan hidup dan sasaran untuk bergerak mencapai peradaban

yang betul di atas muka bumi ini. Inilah susunan aqidah yang tunggal yang menggerakkan pergerakan peradaban bagi masyarakat manusia dan ikatannya tidak pernah habis.

Oleh yang demikian Islam berusaha untuk menukarkan matlamat-matlamat berperingkat-peringkat dan sempit atau jangka pendik kepada matlamat yang mutlak. Ini adalah disebabkan pergerakan yang berterusan menuju kematlamat mutlak sedangkan matlamat jangka pendik hanya kepada tahap-tahap tertentu sahaja.

Dengan yang demikian seseorang muslim yag menghadapi kezaliman didaerahnya atau dinegaranya atau dikalangan kaumnya umpamanya hanya menghadapi kezaliman dalam lingkungan yang terhad itu semata-mata. Sedangkan kezaliman yang menyeluruh di atas muka bumi dibiarkan dan tidak diambil peduli. Penentangan yang diberi tidak mutlak dan tidak menyeluruh. Sebaliknya adalah wajar baginya menentang kezaliman yang menimpa diseluruh dunia dan menghadapi kezaliman didaerahnya atau didaerah lain di atas sifat menghadapi kezaliman yang menimpa saudaranya sesama manusia. Dengan itu apabila kita kembali memerhatikan peranan Saidina Ubadah bin al-Shamit rh yang bergerak bersama saudara-saudaranya dari Semenanjung Arab adalah bertujuan untuk membebaskan saudara-saudaranya yang dizalimi diseluruh bumi Parsi.

b. Akhlak susunan aqidah bagi negara Islam dan Pembebasan manusia dari ikatan-ikatan keduniaan.

Sebenarnya menegakkan kebenaran dan keadilan serta menjadikan usaha yang bertungkus lumus kearah pembinaan yang betul memerlukan kepada dorongan-dorongan yang terbit dari perasaan bertanggungjawab dan perasaan memiliki kewajipan. Dorongan-dorongan ini menuju kepada ikatan yang tanpa dibentuk dan disemai.

Halangan untuk merasa bertanggungjawab itu adalah ikatan keduniaan dan segala perhiasaannya serta tertarik dengan kehidupan melekakan di atas muka bumi ini. Sesungguhnya ikatan ini serta tarikan ini telah menjadikan manusia beku di dalam banyak hal dan menghentikan sumbangan manusia dari kegiatan pembenaan yang betul. Ini memandangkan sumbangan di dalam setiap pembangunan yang besar mengharapkan kepada

penumpahan tenaga, pemberian dan berbagai bentuk pengorbanan dan kesulitan di atas landasan tanggungjawab dan memikul kewajipan itu untuk mencapai kebahagiaan kepada masyarakat manusia.

Bukanlah bererti bahawa penguasaan manusia terhadap kehidupan didunia ini tertakluk pula kepada matlamat-matlamat kehidupan bumi yang rendah tetapi segala hasil yang didapati dari bumi dan dalam kehidupan harian untuk mencapai matlamat pembenaan yang lebih agung. Tidak dapat tidak bahawa pembentukan kekuatan untuk melakukan pembenaan yang agung memerlukan susunan aqidah yang memiliki ciri-ciri akhlak yang khusus yang mendidik seseorang individu muslim agar menjadi tuan kepada dunia bukannya pula menjadi hamba kepadanya. Serta menjadi pemilik kepada benda-benda yang baik di atas muka bumi ini bukannya menjadi yang dimiliki olehnya. Seseorang manusia itu hendaklah mempunyai pengharapan kepada kehidupan yang lebih luas dan lebih kaya daripada kehidupan di atas dunia ini. Dia hendaklah beriman bahawa dengan pengorbanannya di atas muka bumi ini akan dapat mencapai kehidupan hakiki yang dijanjikan oleh Allah kepada orang-orang yang bertaqwa dikalangan hamba-hambaNya.

Inilah sebenarnya susunan aqidah yang dimiliki oleh negara Islam yang berdasarkan kepada ajaran Al-Quran yang mulia dan Islam telah membataskan petunjuk-petunjuk menyeluruh bagi ciri-ciri akhlak tersebut; Firman Allah:

يَاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا لَاتُلْهِكُمْ اَمْوَالُكُمْ وَلَا اَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِاللهِ وَمَنْ يَّفْعَلْ ذٰلِكَ فَاُولٰٓئِكَ هُمُ الْخٰسِرُوْنَ.

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingati Allah. Barangsiapa yang membuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi".* (Al-Munafiqun; 9). Firman Allah lagi:

وَاعْلَمُوْا اَنَّمَآ اَمْوَالُكُمْ وَاَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَّاَنَّ اللهَ عِنْدَهُ اَجْرٌ عَظِيْمٌ.

Ertinya: *dan ketahuilah bahawa hartabendamu dananak-anakmu itu hanyalah sebagai cubaan dan sesungguhnya disisi Allahlah pahala yang besar.* (Al-Anfal, 28)

Rasulullah SAW yang agung bersabda dengan maksudnya:

Barangsiapa yang menjadi dunia ini lebih besar dari apa yang diharap-harapkannya maka disisi Allah orang yang demikian itu tidak mempunyai nilai sedikitpun.
Sabda junjungan lagi SAW yang bererti: Cintakan dunia adalah kepala segala kejahatan.

Tertakluk dan terikat kepada dunia merupakan asas kepada penyelewengan dan menjauhkan dari peranan khilafah manusia yang mendapat pertunjuk di atas muka bumi ini. Begitu juga dengan tenggelam di dalam kemewahan dan kelalaian dunia itu boleh melalaikan seseorang daripada mengingati Allah dan menjauhkan diri dari bermatlamatkan keredhaan Allah yang Maha Agung di dalam perjalanan hidup manusia dan membataskan matlamat hidup manusia.

Oleh yang demikian Islam memerangi tarikan ini dari dalam diri seseorang yang terlalu terikat dengan dunia dan kemewahannya. Matlamat keduniaan bertentangan dengan matlamat keakhiratan jika dilihat dari sudut pembenaan yang agung itu yang menyeru manusia kepada alam akhirat yang lebih kekal dan baik. Sekiranya seseorang bermatlamatkan dunia nescaya keadaan ini akan menukarkan mereka dari alam pendidikan rindukan akhirat kepada kehidupan bumi yang penuh dengan kelalaian dan kerosakan. Firman Allah:

اِعْلَمُوْا اَنَّمَا الْحَيٰوةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَّلَهْوٌ وَّزِيْنَةٌ وَّتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِى الْاَمْوَالِ وَالْاَوْلَادِ.

Ertinya: *Bahawa sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan suatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-bangga tentang banyaknya harta dan anak.* (Al-Hadid, 20) Firman Allah lagi:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوٰتِ مِنَ النِّسَآءِ وَالْبَنِيْنَ وَالْقَنَاطِيْرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْاَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذٰلِكَ مَتَاعُ الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَاللهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَاٰبِ.

Ertinya: *Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini iaitu; wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak daripada emas perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di-dunia; dan disisi Allahlah tempat kembali yang baik. (Syurga).* (Ali Imran, 14)

Sebaliknya jika diambil dunia ini sebagai jalan menuju akhirat atau sebagai alat untuk menyuburkan kehidupan manusia disekitar kebaikan-kebaikannya yang hakiki dan hubungannya dengan Allah yang tidak putus serta ia berusaha mencapai matlamat mutlak di dalam kegiatan pembenaan, pembaharuan dan perkembangan maka nescaya dunia pada ketika itu menjadi bertukar menurut pandangan ini. Apa yang dimaksudkan di sini dunia bertukar menjadi lapangan perlumbaan yang sihat dan kegiatan pertukaran keperluan di antara manusia dalam konteks pembenaan yang betul dan perkembangan yang terus menerus. Firman Allah:

وَابْتَغِ فِيْمَآ اٰتٰكَ اللّٰهُ الدَّارَ الْاٰخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاَحْسِنْ كَمَآ اَحْسَنَ اللّٰهُ اِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِى الْاَرْضِ اِنَّ اللّٰهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِيْنَ.

Ertinya: *Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagian mu dari (keni'matan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu dan janganlah kamu berbuat kerosakan di atas muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.* (Al-Qashash, 77)

Di dalam suatu hadith Rasulullah SAW bersabda dengan maksud: Juallah duniamu dengan akhiratmu nescaya kamu akan mendapat keuntungan dari kedua-duanya semuanya dan janganlah kamu menjual akhirat dengan duniamu nescaya kamu akan rugi pada kedua-duanya semuanya.

Islam tidak pernah melihat pandangan bahawa dunia sebagai jalan dengan sifatnya dialam pemikiran semata-mata tetapi melihat ikatan ini sebagai jalan yang dilaksanakan secara realiti dengan manusia bergiat dengan segala benda yang baik didunia ini. Sesungguhnya Islam membataskan pandangan praktikal bagi teori ini dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Bermegah-megahan telah melalaikan kamu, berkata anak Adam manakah bagiku, manakah bagiku dan adakah engkau bagi hartamu telah disedekahkan sehingga meninggalkan bakinya atau dimakan maka ia binasa atau dipakaikan sehingga rosak?

Oleh itu bagi setiap manusia harus beriman dengan pandangan Islam terhadap dunia dengan melaksanakan jalan dan peraturannya itu. Dengan kata-kata lain mengambil dunia ini dan berseronok-seronok dengannya dengan perkara-perkara halal sekadar keperluannya semata-mata. Ini memandangkan dunia diletakkan sebagai asas yang memenuhi keperluan manusia semata-mata bukan untuk dimegah-megahkan dan dibangga-banggakan.

Manusia tidak dikehendaki menjadikan dunia sebagai matlamat. Adapun apa yang penting baginya adalah membaharukan keupayaannya secara berterusan dengan melanjutkan daya usaha di atas landasannya menuju kepada TuhanNya dan melaksanakan matlamatnya yang hakiki. Secara tabi'inya manusia mengambil keperluan didunia ini dan selanjutnya hendaklah ia menuju kepada matlamat yang agung. Ini disebabkan sekiranya ia melampaui segala hajatnya didunia ini nescaya akan menukarkan dunia menjadi matlamat yang terakhir pula. Sudah semestinya keadaan yang demikian itu merugikan peranannya yang betul di atas muka bumi ini. Dengan ia menghabiskan masa dalam keadaan demikian itu iaitu di atas jalan yang panjang nescaya akan membawa dirinya kepada penyimpangan daripada matlamat perjalanan hidup yang mendapat pertunjuk Ilahi serta menjerumuskan seseorang itu ke dalam lembah kecelakaan, kehancuran dan kezaliman. Dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda: dengan maksudnya: Barangsiapa mengambil dari dunia melebihi dari apa yang dihajatinya maka ia mengambil kerugian yang ia tidak akan merasainya.

Dengan ini pembenaan yang betul bagi warganegara negara Islam membolehkan manusia membebaskan dirinya dari tarikan-tarikan duniawi dan mengangkat keperluan yang kecil menuju kepada Allah dan hidup dengan tujuan mencapai matlamat yang agung itu.

Dengan demikian ia menghadapi sebesar-besar tanggungjawab kearah pembenaan dengan kelahiran ketenangan hati dan kekuatan jiwa serta perhitungan yang adil dan menguntungkan dan bukannya perhitungan yang merugikan, firman Allah:

يَاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا هَلْ اَدُلُّكُمْ عَلٰى تِجَارَةٍ تُنْجِيْكُمْ مِّنْ عَذَابٍ اَلِيْمٍ.
تُؤْمِنُوْنَ بِاللهِ وَرَسُوْلِهٖ وَتُجَاهِدُوْنَ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ بِاَمْوَالِكُمْ وَاَنْفُسِكُمْ

ذٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ.

Ertinya: *Hai orang-orang yang beriman, sukakah kamu aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih? (Iaitu) kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad dijalan Allah dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahuinya.* (Ash-Shaff, 10, 11)

c. Petanda-petanda politik di dalam susunan aqidah bagi Negara Islam

Tercetusnya petanda-petanda politik di dalam susunan aqidah bagi negara Islam dengan peranan-peranan agung dalam mengembangkan setiap kekuatan-kekuatan yang baik dikalangan manusia yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada ummat manusia.

Setengah daripada petanda-petanda itu adalah pemutusan hubungan negara Islam dengan semua bentuk penindasan yang menguasai masyarakat jahiliyyah dan negara Islam sentiasa berusaha untuk membebaskan manusia daripada penindasan ummat manusia yang lain di dalam semua lapangan kehidupan termasuk politik, ekonomi dan ideologi pemikiran dan memberikan dua kekuatan kepada masyarakat untuk membangun:

Pertamanya: Kekuatan kepada golongan manusia yang tertindas yang berjaya membebaskan dirinya kerana kekuatan yang diperolehinya dengan memperhitungkan kebaikan untuk orang lain juga dan menjauhkan diri dari kegiatan bermegah-megah dengan harta benda dan segala perhiasan hidup didunia serta membebaskan mereka dengan memperkuatkan kekuatan untuk pembenaan masyarakat manusia.

Keduanya: Kekuatan kepada manusia yang tertindas yang menghadapi cengkaman golongan penindas dengan memperkuatkan kedudukan mereka untuk membebaskan mereka dari keadaan tersebut dan menukar keadaan mereka kearah pembenaan dan bergiat.

Berapa banyak golongan manusia yang bernaung di bawah kekuasaan kuasa thaghut dan sentiasa berada di bawah perhubungan dengan para penindas atau sekurang-kurangnya membiarkan golongan zalim melaksanakan kezaliman mereka. Berbeza dengan konsep kebebasan yag didokong dan dibentuk

oleh negara Islam yang berkuasa untuk membena perkembangan dan kemajuan.

Sejarah Islam di dalam pelaksanaannya yang agung telah dicatatkan dengan gambaran demikian. Islam telah berupaya mengembalikan manusia kepada kebebasan dan kemuliaannya yang hakiki serta membentuk kedudukan yang sesuai kearah perkembangan dan kemajuan bagi semua manusia tanpa mengira kedudukan mereka. Islam telah membebaskan perhambaan dan penindasan di dalam masyarakat jahiliyyah dan memimpin manusia kepada kebebasan dan kekuatan di dalam semua lapangan hidup samada pemikiran, politik dan ketenteraan. Demikianlah perkembangan yang baik bagi individu-individu di dalam negara Islam tidak dibataskan kepada kedudukan kebendaannya yang tertentu.

Imam Ali rh berkata ketika ia pergi ke Mesir maksudnya; Kemudian aku mengetahui setiap urusan mereka yang tidak membawa kerosakan dan kecelakaan kepada golongan lain dan tidak bertujuan untuk membawa kecelakaan kepada orang lain dan mereka tidak menyeru kepada usaha yang menjatuhkan orang lain samada kecil atau besar sekalipun.

Setengah daripada petanda-petanda politik bagi negara Islam yang dibena secara realitinya yang mana pemerentah dan para pentadbirnya hidup di dalam negara Islam dalam keadaan kehidupan seperti orang-orang kebiasaan dan awam samada di dalam kehidupan mereka yang tertentu atau jalan hidup mereka bersama manusia yang lain. Begitu juga tempat tinggal mereka yang sama dengan orang kebanyakan serta hubungan erat mereka dengan mereka.

Adapun apa yang berlaku pada waktu kini bahawa kedudukan pemerintah dengan yang diperintah seperti yang diketahui hanyalah dalam bentuk peraturan semata-mata yang tidak terlaksana di dalam kenyataan hidup. Di sana tidak didapati kepimpinan yang baik dan boleh ditauladani di dalam kenyataan hidup. Golongan thaghut dan penindas dengan senang menggunakan peraturan itu untuk mendustakan rakyat yang dikuasai oleh mereka. Mereka mengemukakan konsep persamaan di antara pemerintah dengan rakyat, tetapi apa yang berlaku dari segi realiti kehidupannya hanyalah merupakan pengucapan yang indah tanpa menepati dengan pelaksanaan dan amalan. Sebaliknya kenyataan hidup pemerintah bertentangan

dengan kenyataan hidup rakyat. Para pemerintah dan pentadbir-pentadbir mereka mendapat keistimewaan yang tidak akan diperolehi oleh rakyat yang diperintah.

Berbeza dengan negara Islam yang menunjukkan bahawa konsep ini tidak wujud sama sekali. Di dalam negara Islam konsep persamaan dan taraf tidak hanya indah tercatat di dalam bentuk fasal-fasal perlembagaan tetapi menepati pelaksanaan amali yang hidup dan nyata di dalam kenyataan hidup.

Sejarah pelaksanaan Islam dan kenyataannya masa kini telah menunjukkan bukti-bukti tersebut. Dalam lembaran sejarah tersebut pemimpin negara Islam Saidina Ali rh juga turut sama dibicarakan bersama dengan warganegara biasa dihadapan kadhi atau hakim. Kedua-duanya hadir untuk dibicarakan dan menerima keputusan mahkamah Islam. Dalam waktu itu seorang warganegara Madinah berbangsa Yahudi yang menetap dinegara Islam telah mengadu mengenai Ali rh kepada Saidina Umar rh yang menjadi Khalifah pada waktu itu. Lalu Khalifah Umar menghadiri majlis yang turut sama dihadiri oleh Saidina Ali dan Yahudi itu. Ketika Saidina Umar rh menghakimi majlis perbicaraan itu di antara Ali dan Yahudi itu lalu beliau mendengar perkataan dari kedua-dua belah pihak. Saidina Ali pun berkata kepada Umar rh : Sesungguhnya daku menemuimu dalam keadaan bimbang engkau tidak boleh menyamakan di antara aku dengannya sekiranya engkau menyebelahiku dan tidak menyebelahinya.

Beginilah negara Islam menunjukkan contoh yang tertinggi tentang konsep persamaan di antara pemerintah dengan yang diperintah di dalam melaksanakan keadilan dan hukuman. Di sana didapati pemerintah Islam mempunyai kepimpinan yang hakiki dan keluhuran rohaniah sebagai golongan mustadh'afin (golongan tertindas) di atas muka bumi. Ini disebabkan pemerintah Islam hidup seperti juga kehidupan rakyat kebanyakan yang tidak berbeza dari mereka dengan istana yang tersergam indah dan bukan juga dengan kenderaan yang mewah dan tidak dengan berbagai jenis kemewahan dan berfoya-foya dengan berbagai keseronokan.

Imam Ali rh berkata adakah aku ingin berseronok-seronok dengan diriku sendiri dengan menganggap diriku yang dipanggil amir al-mu'minin dan tidak bergaul dengan mereka dalam sedikit masa pun atau aku menunjukkan kepada mereka kepim-

pinan yang betul di dalam kehidupan. Beginilah Islam telah mengajarkan kepada para pemerintah bahawa pemerintahan dan kedudukan politik bukannya jalan atau batu loncatan untuk berseronok-seronok dengan kemewahan duniawi dan bukannya menjadi alat untuk membezakan mereka daripada rakyat jelata dari segi kenyataan hidup serta kemewahannya. Adapun kedudukan kekuasaan politik itu tidak lain melainkan merupakan tanggungjawab, khilafah atau amanah serta penyertaan dengan golongan mustadh'fin secara menyeluruh.

Apabila kita mengamati sejarah pelaksanaan Islam masa kini sekalipun kita telah mendapati juga suatu kepimpinan yang agung yang telah memimpin perjuangan ummatnya di bawah sepanduk dan panji-panji Islam sehingga Allah memberi pertolongan kepadanya dan menjatuhkan kekuasaan Shah dengan segala kekayaan dan keagungannya ditangan kepimpinan yang agung itu dengan izin Allah. Sehingga Imam (Imam Khomeini rh) yang agung itu kembali ke negerinya sebagai golongan yang menang. Dia kembali kerumahnya yang asal selepas beliau diusir oleh kaum penindas selama lebih kurang dua puluh tahun. Inilah suatu bukti yang menunjukkan Imam atau pemimpin bukannya suatu peribadi yang tertentu dan diberi keistimewaan melebihi rakyat dari segi kebendaan. Inilah garis-garis pemerintahan dan ciri-ciri kepimpinan yang digarapkan oleh Islam.

Tidak syak lagi bahawa garis ini yang telah dilaksanakan di dalam negara Islam telah memancarkan kepada seluruh warganegaranya kekuatan-kekuatan yang tersendiri serta menanamkan kecemerlangan rohaniah yang agung dan menjadikan setiap individu merasa terpanggil untuk melaksanakan tugas pembenaan yang dipimpin oleh negara. Ia merupakan panggilan dan jawapan untuk kemuliaan diri dan keagungan ummat Islam di atas muka bumi.

Setengah daripada petanda-petanda politik bagi negara Islam ialah pelaksanaan dan penyertaan dalam bidang pemerintahan dan negara. Pelaksanaan pemerintahannya bukan di atas dasar mengenakan penindasan atau menekan golongan yang lemah sebagaimana yang terjadi di dalam peradaban Arab dan bukan di atas asas kepentingan pertukaran sebagaimana yang didakwa oleh ketamaddunan ini tetapi pelaksanaannya di atas prinsip kebenaran, keadilan dan membantu golongan mustadh'fin di atas muka bumi.

Kebenaran dan keadilan merupakan hakikat yang memenuhi dhamir atau hati nurani negara Islam bukannya sekali-kali menerima usaha membantu golongan penindas dan golongan yang menangguk diair yang keruh dan bukannya membantu untuk kepentingan sesuatu golongan tertentu di dalam negara tetapi berusaha membawa penyatuan ummah dan membawa kesetabilan cara hidup dikalangan masyarakat.

Apa yang menyedihkan telah berlaku iaitu. Apabila ditemui isu-isu yang memberi kepentingan kepada kuasa-kuasa besar didapati suara untuk membenarkannya dan para perwakilan akan memberi garis hubungan kemaslahatan dimimbar bangsa-bangsa bersatu. Adapun apabila tidak didapati sebarang kepentingan untuk kuasa-kuasa besar tidak didapati seorang pun ingin mempertahankan sesuatu isu itu.

Di dalam sejarah pelaksanaan Islam telah didapati contoh-contoh yang terpuji dalam lapangan ini. Kita telah dapati sehingga kepada beberapa waktu yang telah dicatatkan bahawa kezaliman dan elemen-elemennya tidak mempunyai ruang di dalam negara Islam.

Kita sebutkan sahaja contoh yang bukannya pada zaman Rasulullah SAW yang agung dan bukannya dizaman khulafa' al-Rasyidin sekalipun umpamanya dizaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz didapati tentera Islam di bawah pimpinan Qutaibah telah berjaya menguasai penduduk Samarqand dan memasuki negeri tersebut. PendudukSamarqand tidak dipengapakan tetapi setengah dari mereka tidak berpuas hati dengan layanan tentera Islam lalu mereka mengadu kepada khalifah. Lalu Khalifah Umar bin Abdul Aziz memerintahkan wakilnya agar memberi contoh kepimpinan yang baik kepada penduduk yang dikuasai dan memerintah mereka dengan penuh keadilan. Setelah itu tidak didapati lagi aduan tentang ketidakadilan pemerintahan Islam diwilayah tersebut dizaman Umar.

Sekiranya kita ingin melihat pelaksanaan negara Islam di dalam lapangan pemerintahan dan negara maka perhatikan firman Allah berikut:

يَآيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا كُوْنُوْاقَوّٰمِيْنَ لله شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰى اَلَّاتَعْدِلُوْا اِعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى وَاتَّقُواالله اِنَّ الله خَبِيْرٌ بِمَاتَعْمَلُوْنَ.

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu*

menjadi orang-orang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu kepada suatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. (Al-MaIDAH — ayat 8).

Tidak syak lagi bahawa dalam pelaksanaan negara Islam dalam bidang pemerintahan dan hal ehwal negara berasaskan kepada semangat ayat ini yang membawa kepada memberi kesedaran kepada hati nurani manusia dan menginsafkan mereka berhubung dengan konsep keadilan, kebenaran dan menggerakkan mereka untuk menyumbangkan peranan di dalam perjalanan keadilan di atas muka bumi ini.

SUSUNAN KEPERIBADIAN MUSLIM
kenyataan masakini

Sebagaimana didapati keupayaan yang kukuh bagi negara Islam terpancar dari susunan aqidahnya demikianlah juga keupayaan yang agung itu terpancar dari susunan aqidah, keperibadian dan sejarah yang berhubung dengan kenyataan manusia di dunia Islam pada zaman yang kita hidup sekarang. Ini disebabkan mana-mana sistem kemasyarakatan tidak akan memainkan peranannya pada waktu lapang dan terluang tetapi ia terlaksana terhadap keperibadian manusia dan ikatan yang kuat di kalangan mereka.

Dari aspek ini ianya membataskan tahap kejayaan dan keupayaan di dalam memperkukuhkan susunan masyarakat dan memancarkan kekuatan yang sihat terhadap anggota-anggota masyarakat itu selaras dengan penyerapannya yang positif atau negatif berserta susunan keperibadian, sejarah bagi anggota-anggota masyarakat tersebut.

Tidaklah kami maksudkan yang demikian itu bahawa sistem kemasyarakatan dan persekitaran ketamaddunan bagi masyarakat semestinya melaksanakan susunan diri dan sejarah bagi anggota masyarakat dan menukar apa-apa sahaja pada diri mereka samada dari sudut pemikiran dan perasaan sehingga kepada corak sistem itu. Keadaan ini tidak mungkin terjadi dan tidak tepat dengan masyarakat dunia Islam yang sedang menderita

akibat pertentangan sesama sendiri, mengalami kelumpuhan dan kelemahan. Apa yang dimaksudkan di sini adalah masyarakat ummat Islam sedang mengalami berbagai kelemahan diri disebabkan pelaksanaan dasar ini di dalam diri mereka yang melenyapkan keperibadian Islam mereka secara berterusan.

Apa yang kami maksudkan di sini adalah persoalan pembenaan peradaban yang baru bagi masyarakat kita yang sedang lumpuh. Tegasnya di sini ialah bermatlamatkan menuju kepada perkembangan ummah dan memperkuatkan keupayaannya serta menggerakkan segenap ruang yang ada untuk membangunkan pergerakan dan perjuangan mereka menghadapi kelumpuhan dan kemunduran. Tidak dapat tidak dalam hal ini pembenaan ini di sekitar kesejahteraan yang harus memasuki ke dalam perhitungan perasaan dan hati sanubari ummat Islam serta susunan aqidah dan sejarah mereka.

Oleh yang demikian itu keperluan memperkembangkan peradaban terhadap landasan atau manhaj kemasyarakatan dan kewibawaan politik bukan sekadar keperluan kepada persoalan di sekitar penyusunan masyarakat semata-mata. Adalah tidak memadai untuk melicinkan proses pembenaan ini hanya dengan mengkaji persoalan ini dan memilih gambaran yang tersirat yang terpisah dari kenyataan. Malah tidak mungkin dalam proses pembenaan ini untuk mencapai matlamatnya untuk memperkembangkan dan membangunkan ummat Islam selagi setiap kekuatannya tidak dipupuk untuk menghadapi kelumpuhan dan kemunduran dan tidak diusahakan perkara-perkara yang membangkitkan dan memobilisasikan ummat itu sendiri serta tidak ditegakkan asas yang menyebabkan mereka bertindakbalas dan lebih sensitif terhadap berbagai masalah. Oleh itu pergerakan ummat seluruhnya merupakan syarat utama yang menjayakan mana-mana proses pembenaan peradaban yang baru dan mana-mana perjuangan yang menyeluruh menentang kemunduran. Ini memandangkan pergerakan ummat Islam membayangkan kebangunanya dan perkembangan kehendak dan keinginan mereka dan bangkitnya faktur-faktur dalaman mereka sendiri. Dengan demikian selagi ummah tidak bangkit maka tidak mungkin mana-mana sistem dan manhaj boleh bertukar dan mengalami revolusi yang menyeluruh di alam kenyataan. Firman Allah:

إِنَّ اللهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوْا مَا بِأَنْفُسِهِمْ.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.* (Ar-Ra'd, 11).

Oleh itu apabila kita ingin memilih manhaj atau sistem atau dasar-dasar am untuk membena ummat Islam dan memutuskan daripada mereka segala elemen yang memundurkan sudah sewajibnya kita mengambil hakikat ini sebagai dasar serta menerima faedah dari pancarannya yang membangunkan peradaban dan berupaya menggerakkan ummat Islam serta membena segala kekuatannya dan keupayaannya dalam perjuangan menentang kemunduran dan kelumpuhan.

Tidak akan mungkin mana-mana negara sekalipun untuk membangunkan struktur peradaban bagi manusia di dunia Islam melainkan apabila negara Islam itu mengambil daripada Islam itu sendiri prinsip-prinsip untuk kegiatan pembenaan dan membangunkan sistem kemasyarakatannya. Kami akan mengemukakan aspek-aspek berikut yang mengukuhkan hujah tersebut dan menjadi dalil yang kuat mengenai keupayaan menggerakkan dan membena secara kukuh dalam rangka memperkukuhkan ummat Islam di atas jalan negara Islam:

Beriman dengan ISLAM

Tidak dapat disangkal lagi bahawa bagi manusia di dunia Islam sememangnya mesti beriman dengan Islam sebagai sifatnya suatu agama dan risalah daripada Allah yang diturunkan kepada penamat segala nabi-nabiNya AS dan menjanjikan kepada para pengikut risalah Islam ini dan yang memperjuangkannya dengan syurga dan mengancam penentang-penentangnya dengan siksaan neraka.

Keimanan ini hidup pada sebilangan besar ummat Islam. Malangnya aqidah yang kukuh ini mulai menempuh zaman penyelewengan dalam banyak aspek khususnya keadaan ini terjadi selepas dunia Islam memasuki zaman dijajah. Manakala kegiatan jahat kaum penjajah pula melumpuhkan aqidah ini dan menghapuskan aqidah Islam yang membangkitkan dan memberi pertunjuk ini.

Oleh yang demikian ummat Islam tidak lagi boleh digambarkan sebagai ummat Islam yang sejati yang dijadikan oleh Allah sebagai ummat yang terpilih dan tertinggi sekali dan dilantik oleh Allah sebagai saksi terhadap seluruh alam. Ummat Islam

menurut Allah merupakan sebaik-baik ummat manusia yang dilahirkan untuk kepentingan ummat manusia. Ini memandangkan ummat Islam bukan sekadar bertanggungjawab terhadap sebilangan kaum muslimin tetapi lebih jauh dari itu ummat Islam harus memikul beban dan tanggungjawab yang dibebankan oleh Allah terhadap seluruh makhluk di muka bumi. Oleh itu ummat Islam mempunyai tanggungjawab dalaman iaitu menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah manusia dari berbuat kejahatan. Dengan kata-kata lain menukar aqidah mereka kepada kegiatan pembenaan dan pembangunan.

Firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُوْنَ بِالْمَعْرُوْفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُوْنَ بِاللهِ.

Ertinya: *Kamu adalah ummat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah.* (Ali Imran, 110)

Sesungguhnya telah dijadikan beriman kepada Allah sebagai saripati ketiga yang menunjukkan ciri-ciri ummat Islam selepas menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran. Kenyataan ini telah mengukuhkan lagi pengertian hakiki bagi keimanan yang bukannya sekadar aqidah yang terbit dari hati tetapi ianya merupakan nyalaan dan cahaya yang menyebarkan cahayanya kepada orang lain. Ummat Islam juga mempunyai tanggungjawab luaran dari alam ini seluruhnya dengan undang-undang yang diciptakan oleh Allah sebagai ummat yang terpilih dan tertinggi dan menjadi saksi yang utama. Firman Allah:

وَكَذٰلِكَ جَعَلْنٰكُمْ أُمَّةً وَّسَطًا لِّتَكُوْنُوْا شُهَدَآءَ عَلَى النَّاسِ

Ertinya: *Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (ummat Islam) sebagai ummat yang adil dan terpilih agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia... (Al-Baqarah, 143)*

Seandainya ummat Islam tidak mencapai dua tahap yang disebutkan itu dari segi tanggungjawab maka mereka bukannya ummat Islam dalam pengertian yang sahih. Selagi mereka tidak mengambil aqidah Islam dan pemusatannya yang memimpin sebagai prinsip yang memandu dua tanggungjawab ini dalam semua aspek kehidupannya nescaya bukanlah demikian itu se-

bagai risalah Islam dalam kenyataan hidup dengan pengertian yang sahih.

Aqidah Islam yang mendatar ini akan membentuk secara kebiasaannya kesamaran dan kekaburan sekiranya tidak diambil secara menyeluruh serta akan membawa faktur negatif dalam usaha membangunkan sistem kemasyarakatan. Nescaya ianya tidak akan melahirkan pemikiran dan ideologi yang dihasilkan oleh Islam seandainya silap perhitungan dalam mengambilnya. Ini disebabkan sekiranya seseorang itu beriman walaupun hanya dari segi teori sekurang-kurangnya kepada setiap sistem dan penyelesaian yang tidak berdasarkan kepada kaedah-kaedah Islam maka kepercayaan dan keyakinan itu tidak diterima oleh syari'at Islam.

Keimanan ini sehingga sekalipun tidak diterjemahkan ke dalam bentuk penyerapan amali yang terbatas akan melahirkan kedudukan yang negatif dan bertentangan dengan usaha-usaha ke arah menggerakkan peradaban yang menggariskan sistem itu dan aliran-aliran kemasyarakatan.

Banyak daripada kejayaan yang dicapai oleh satu-satu daripada sistem itu di dalam menyelamatkan kekuasaan dan kepimpinan masyarakat akan tetapi kejayaan itu terlalu cepat yang dicapai dalam waktu yang terlalu singkat dan mengekalkannya pun dalam waktu yang terbatas pula sering melalui berbagai corak paksaan dan tekanan. Sedangkan untuk menghapuskan kelemahan ummat tidak sepatutnya melalui jalan paksaan.

Ketikamana mereka tenggelam dengan cara-cara begini telah menyebabkan semakin meningkatnya faktur negatif terhadap ummat manusia serta semakin jauh dari penerimaan syari'at Islam. Dengan begini sebilangan besar dari kekuatan ummah didorong oleh tindakan secara paksaan yang bertentangan dengan konsep kebangkitan dan pengorbanan tenaga dan bertindakbalas dari aspek yang lain.

Berbagai pendirian dan sikap di kalangan manusia yang bertentangan dari segi pokoknya lagi apabila berdepan dengan persoalan negara Islam dan sistem Islam yang didokong oleh ummat manusia yang menyeru kepada ma'ruf, mencegah kemunkaran dan beriman kepada Allah. Ketika ini terlalu cepatnya pula berubah aqidah Islam yang mendatar tadi dari faktur negatif kepada faktur positif di dalam proses pembenaan per-

adaban yang baru. Ini memandangkan manusia telah mendapati di dalam penyelesaian Islam sesuatu yang membangunkan aqidah mereka.

Kebanyakan mereka tidak bersiap sedia untuk menumpahkan pengorbanan serta memikul tanggungjawab di atas jalan pelaksanaan ini. Oleh itu ketika mereka melaksanakannya mereka mendapati di dalamnya cita-cita mereka yang agung dan aqidah mereka yang suci serta kecenderungan keagamaan mereka. Lebih cepat dan segera lagi apa yang diharapkan oleh mereka menjadi impian rohaniah yang sempurna pula. Lebih cepat lagi berlakunya pertukaran dan perubahan aqidah yang mendatar itu kepada aqidah yang bersemarak, menyala, bersinar, hidup dan bergerak cergas. Dengan ini lahirnya kekuatan ummat di dalam proses pembenaan yang agung tanpa paksaan tetapi berasaskan kepada ruh keimanan dan ikhlas.

Adalah memadai dikemukakan sebahagian contoh yang kecil untuk menjelaskan secara terperinci perubahan dan pertukaran ini. Oleh itu Islam di bawah naungan aqidahnya yang mendatar itu mempunyai keupayaan secara berterusan untuk membangkitkan berjuta-juta ummat Islam yang didorong oleh kewajipan-kewajipan dengan mengeluarkan harta benda dan seumpamanya. Di samping itu mereka menghadapi pula perbezaan dari segi jalan dan cara bergerak di dalam menghadapi peraturan resmi di dalam masyarakat mereka.

Adakah anda mempersoalkan keupayaan Islam di dalam mengemukakan penyelesaian melalui sebuah negara Islam dan menghadapi tuntutan-tuntutan proses perkembangan dengan mengambil Islam untuk menghadapi kesemua ini. Islam di bawah naungan aqidahnya yang mendatar mengukùhkan keupayaannya beberapa kali dengan mengumpulkan jalan perjuangan yang dinamakan jihad di bawah panji-panji Islam yang menyediakan barisan pejuang yang menyahut tugas da'wah bagi aqidah keagamaan mereka. Di samping cuba kita lihat negara-negara kebanyakan atau biasa tidak akan mampu untuk mengumpulkan kekuatan ini untuk meningkatkan keupayaan perjuangan melainkan dengan menggunakan berbagai cara penindasan dan penguasaan.

Adakah anda mempertikaikan dengan Islam ini yang memiliki kepimpinan yang kukuh bagi ummat manusia dan melakukan perubahan yang agung dan akan memberi kekuatan perjuangan kepada ummat manusia.

Dengan tertegaknya negara Islam ia telah meletakkan batasan bagi menghadapi perpecahan di kalangan keperibadian muslim yang menghadapi berbagai aliran yang bertentangan di dalam kehidupannya. Oleh itu seseorang muslim yang hidup di bawah naungan sistem yang bertentangan dengan Al-Quran dan Islam mendapati dirinya dalam kebanyakan waktu sering dilanda kegoncangan dan mengalami pertentangan atau konflik yang berterusan di dalam hidupnya. Dia senantiasa berkeadaan demikian sekalipun ketika berada di dalam masjid dan merasakan berada di hadapan Allah yang memerhatikannya sebagai seorang pedagang, pelajar atau pegawai di sesebuah jabatan. Oleh itu sentiasa bersarang di dalam hatinya dan di dalam hidupnya apa yang dilakukannya untuk membersihkan dirinya di masjid dan berjanji dengan Allah untuk taat setia kepadaNya. Kesemua ini disebabkan ia menghadapi perlawanan arus kehidupan yang bertentangan yang bukan sahaja dihadapinya ketika berada di masjid tetapi juga di dalam masyarakat dan ketika bersama ummat manusia sehingga bertukar kepada keupayaan negatif yang menghilangkan kekuatan masyarakat manusia untuk membena kehidupan anggotanya.

Akan tetapi apabila ditegakkan negara Islam iaitu apabila anasir-anasir bumi bersatu dengan anasir-anasir langit serta bergabungnya masjid dengan kolej. Tidak mungkin doa yang dipohon di masjid berlawanan dengan kenyataan malah memberi kesedaran pula untuk masa depan. Tidak mungkin lagi apa yang diamalkan secara realiti terpisah dari nilai-nilai masjid malah ianya bergantung kukuh daripada semangatnya yang menyeluruh. Dengan itu lahirnya manusia yang memiliki kesatuan dan kesempurnaan yang menyeluruh dan membawa kepada keikhlasan dan kesucian peranan manusia dengan penuh kesabaran pula untuk bertungkus lumus di atas jalan kehidupan.

B— Jelasnya penyelesaian dan ikatan perasaan dengan sejarahnya.

Sebenarnya faktur terpenting yang mendorong seseorang manusia berkorban dan menumpahkan tenaga menyeru kepada pembenaan yang baru adalah disebabkan seruan tersebut memberi perkembangan realiti dan jelas. Seruan ini telah membawa kepada penyertaannya untuk bergerak dan berjuang. Daripada

sini seruan-seruan itu menjadi matlamat yang tertinggi di dalam pengalaman hidupnya ataupun ketika mereka hidup di luar lingkungan dunia Islam sekalipun.

Lembaran sejarah ummat Islam menunjukkan mereka menghadapi kesulitan yang besar di dalam mengemukakan pandangan yang jelas bagi seseorang individu muslim tentang matlamat tertinggi yang harus dicapainya serta menyeru untuk dilaksanakan di kalangan ummat Islam. Ini disebabkan pandangan Islam menjadi begitu asing di kalangan ummatnya. Mereka hanya memiliki fahaman yang sempit dan mendatar tentang ajaran Islam yang sebenar.

Fahaman dan ideologi yang sering didengar adalah demokrasi, sosialisma, materialisma, komunisma dan berbagai ideologi dan sistem sosial yang menangani kehidupan manusia di luar dunia Islam serta melahirkan berbagai bentuk corak kehidupan di kalangan ummat manusia. Ideologi-ideologi ini tidak sahaja diberi gambaran yang terbatas dan jelas petanda-petandanya tetapi diambil sebagai sebahagian daripada sistem pemerintahan secara diktator dan paksaan terhadap mereka. Para pemerintah mengambil perkataan demokrasi seperti sebahagian daripada nama sistem pemerintahannya. Setengah mereka mengambil sistem sosialisma dalam sistem pemerintahannya walaupun ideologi tersebut mempunyai berbagai-bagai aliran dan pendekatannya. Mereka menjadikan fahaman tersebut sebagai matlamat tertinggi bagi ummat manusia atau rakyat yang diperintahnya. Setengah mereka mengikut aliran "Stalin" yang menjadikannya sebagai Tuhan rakyatnya yang menyediakan kehidupan syurga selepas mati mereka. Setengah mereka mengambil Mao Tze Tong yang menjadikannya sebagai rujukan dalam melahirkan revolusi kemasyarakatan yang baru.

Sebenarnya setiap aliran dan ideologi itu mempunyai kefahaman dan pendekatan tersendiri. Kesemua corak, nilai dan pendekatan fahaman-fahaman tersebut tidak sedikitpun membantu individu muslim untuk membataskan dirinya kepada matlamat tertentu dan jelas serta dapat memberi gambaran yang mendalam sekiranya mereka ingin menyumbangkan peranannya untuk proses pembenaan dengan menumpahkan darah, tenaga dan kehidupannya.

Sebaliknya negara Islam akan mengemukakan kepada individu muslim suatu gagasan yang jelas seperti cahaya matahari

yang dekat pada dirinya dan menyerapi hati sanubarinya dengan perasaan yang mendalam serta mengurniakan kepadanya kemuliaan di sepanjang sejarah hidupnya yang dipenuhi dengan ciri-ciri taqwa dan kasih sayang Allah.

Manakah muslim yang tidak memiliki gambaran yang jelas mengenai pemerintahan Islam pada zaman Rasulullah SAW dan pada zaman Khalifah Ali rh dan pada zaman yang cemerlang di antara kedua-duanya itu. Atau manakah muslim yang tidak dapat melihat keindahan dan keagungan gambaran itu, dan manakah muslim yang tidak merasai dengan mendalam kegemilangan period pemerintahan Islam itu yang mana Islam telah melahirkan dunia baru di zaman Rasulullah SAW, zaman Khalifah Ali rh dan di zaman para sahabat ar-Rasyidin yang memenuhkan dunia dengan cahaya keadilan dan hidayah Allah.

Sesungguhnya negara Islam tidak menjadikan manusia melalui hidup di dalam kegelapan dan tidak sekali-kali menjauhkan individu muslim dari penglihatan hati sanubarinya yang terang dan tidak sekali-kali menimbulkan kekeliruan dan konflik kepada keperibadian dan kehidupan mereka.

Sesungguhnya negara Islam menyinarkan cahaya hidayah di sepanjang perjalanan hidup manusia dan membawa mereka ke puncak yang tidak didapati oleh seseorang muslim pada peringkat awalnya yang hanya memiliki gambaran yang terbatas mengenai negara Islam. Dengan ini keperibadian muslim menjadi kukuh di sekitar pembangunan peradaban Islam serta memberikan kedamaian di atas jalannya yang berupaya menuju kepada matlamatnya dan pada waktu yang sama memberi keselamatan di dalam perjalanan hidup manusia serta menghindarkan mereka dari menyeleweng daripadanya. Ini disebabkan matlamat terakhir yang dikemukakan olehnya begitu terang serta memiliki neraca pertimbangan yang diputuskan di atas dasarnya serta dengan kekukuhan jalan hidup Islam yang menghindarkan ummat manusia dari penyelewengan.

Kesemua ini menjadikan jiwa batin manusia itu menerima dengan menyeluruh segala proses pembenaan yang agung serta mengorbankan tenaga di dalam melalui jalan ini bukan sahaja ianya disifatkan sebagai alat untuk dilalui tetapi disifatkannya sebagai garis kesedaran di atas landasan kesedaran dan kefahaman terhadap petunjuk-petunjuknya dan matlamat tertinggi di dalam kenyataan hidup.

C — Kesucian penyelesaian negara Islam serta tidak ada ikatan dengan Kaum penjajah (Imperialis)

Sebenarnya ummat Islam di dunia Islam mengalami arus penjajahan dalam berbagai bentuk penekanan, konspirasi dan lapangan semenjak bangsa kulit putih Barat menceroboh tanah air kita yang suci dengan menggunakan persenjataan pemikiran dan beraneka tektik imperialisma mereka. Semenjak itu mula timbul perasaan benci terhadap penjajahan Barat serta lahir prasangka buruk terhadap mereka dan sistem kehidupan yang dipaksakan oleh mereka dalam bentuk sistem sosial. Dengan itu lahirlah penentangan terhadap penjajahan atau imperialisma itu.

Dengan timbulnya perasaan ini menjadikan sistem hidup yang dipilih oleh mereka mesti terpisah dan suci dari pengaruh Barat dan penjajahan dari aspek politik supaya ianya mampu memancarkan kekuatan-kekuatan ummat Islam serta memimpin mereka dalam lapangan gerakan pembenaan. Tidak dapat tidak ummat Islam dipengaruhi oleh persekitaran mereka yang tersendiri akibat berlakunya penjajahan dalam jangkawaktu tertentu serta melahirkan kebangkitan yang baru di atas dasar sistem sosial dan petanda-petanda ketamaddunan yang diimpot dari negara-negara penjajah Barat.

Hakikat ini begitu jelas yang telah menjadikan berbagai tektik politik telah lahir di dunia Islam yang memikirkan perlunya mengambil semangat perkauman atau nasionalisma yang beraneka rupa di kalangan bangsa-bangsa di dunia Islam sebagai suatu falsafah atau kaedah untuk ketamaddunan dan kemudiannya menjadi asas pembentukan sistem sosial. Mereka telah bertungkuslumus untuk meniupkan semangat nasionalisma untuk bangkit secara revolusioner memisahkan diri dari penjajahan dengan pemisahan yang menyeluruh.

Faham nasionalisma tidak lain daripada ikatan pensejarahan dan bahasa semata-mata ia bukannya falsafah yang memiliki dasar-dasar serta tidak mempunyai apa-apa aqidah yang berprinsipkan asas-asas yang tertentu. Lebih jauh dari itu nasionalisma merupakan naluri yang lahir secara tabi'i tanpa mengira berbagai falsafah atau aliran sistem sosial, aqidah dan nilai keagamaan. Ianya memerlukan kepada pengambilan sesuatu teori atau pandangan tertentu yang berhubung dengan alam, kehidupan dan falsafah tertentu pula yang mendasari asas-asas pem-

bangunan serta kebangkitan sistem sosial tertentu.

Di sini telah lahir suatu perbezaan yang besar di antara sistem manusia Eropah dan Barat yang terikat di dalam pemikiran ummat atau manusia yang dijajah dan ditindas yang telah dipengaruhi oleh berbagai ideologi Barat dengan manhaj Islam yang dini'mati secara suci murni oleh ummat Islam.

Ini disebabkan tidak terikat di dalam pemikiran ummat manusia dengan sejarah musuh-musuh Islam malah ikatan mereka dengan sejarah peradaban dan sistem mereka yang tersendiri, yang asing dari apa yang ditangani oleh penjajah. Sesungguhnya perasaan ummat Islam adalah merasai kesucian dan kemurnian Islam. Ini memandangkan Islam membentuk keperibadian dalam lembaran sejarah serta membuka lembaran sejarah gemilang kepada jenerasi terdahulu dan merupakan hakikat yang ditentang oleh kaum imperialis sejak dahulu dengan berbagai strategi dan tektik jahat mereka.

Sebenarnya perasaan ummat Islam dengan segala gambaran itu menjadi faktur penting yang mendedahkan kepada mereka dimensi untuk bergiat di dalam proses pembenaan dan peradaban yang dibina di atas asas Islam serta mereka berkepercayaan dengan pembenaan ini selanjutnya meningkatkan usaha di dalam perjuangan mereka menentang kemunduran.

Tambahan pula dengan itu bahawa kegiatan pembenaan tidak akan bermula daripada angka kosong ini disebabkan tidak wajar bagi ummat Islam berkeadaan demikian kerana mereka memiliki latar belakang sejarah dan diri yang berasaskan pemikiran. Pendekkata kegiatan pembenaan dalam Islam memiliki manhaj serta sistem yang lengkap dan jelas yang bergerak di dalam dunia Islam.

D — Sumbangan pendokong gerakan pembenaan yang baru

Sebenarnya mana-mana gerakan pembaharuan atau lebih tepat gerakan tajdid di dunia Islam akan menempuh halangan dan kesulitan yang besar. Antara kesulitan itu adalah berhubung dengan adat kebiasaan, norma-norma sosial dan taqlid yang berakar umbi di dalam masyarakat sejak zaman berzaman. Adalah hampir-hampir mustahil untuk mengikis kesemua nilai-nilai itu dari keperibadian ummat Islam.

Di sini membawa kepada pergerakan pembaharuan yang

menuju kepada matlamat pembenaan ummah menghadapi aspek-aspek negatif ini dengan melakukan perubahan serta memberikan nilai-nilai yang baru dan kukuh ke dalam masyarakat Islam. Gerakan tajdid dalam hal ini berada dalam dua persimpangan. Adapun apa yang berlaku di dalam masyarakat ialah fahaman taqlid dan mengikut secara melulu terhadap adat kebiasaan yang berhubung dengan agama. Ataupun dilihat dari aspek yang lain ialah menukar dan berusaha memisahkan agama dari sikap taqlid ini serta memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap hakikat agama Islam serta peranannya yang hakiki di dalam kehidupan manusia.

Pilihan pertama itu tidaklah menghadapi apa-apa kesulitan malah memperkukuhkan lagi gerakan tajdid yang akan menghadapi musuh-musuh yang terang-terang bagi agama serta menentukan sikapnya. Ini memerlukan sesuatu pendirian terhadap usaha mempertahankan agama iaitu dengan memikul tanggungjawab melakukan pembenaan dengan menempuh jihad yang agung serta meningkatkan kekuatan yang ampuh untuk menghadapi ancaman tersebut. Dengan ini ia merupakan suatu sumbangan yang besar di dalam memelihara ummat Islam dari penyimpangan.

Adapun pilihan kedua bukanlah merupakan kegiatan yang boleh dianggap sebagai gerakan tajdid yang ditegakkan di atas dasar-dasar sekularisma dan terikat dengan ideologi yang berhubung dengan Islam. Ini memandangkan sesuatu pergerakan itu hampir-hampir tidak berupaya untuk mentafsirkan Islam dengan gambaran yang betul dan ianya tidak mampu menyumbangkan saham yang besar untuk menghuraikan konsep Islam selagi pergerakan itu tidak memiliki asas-asas syari'at Islam yang membolehkan suatu pentafsiran yang kukuh tentang kefahaman dan hukum hakam Islam.

Sebaliknya pergerakan tajdid yang ditegakkan di atas prinsip-prinsip Islam dan terikat dengan ikatan yang kukuh dari sumber-sumbernya yang hakiki di kalangan ummah dan melaksanakan Islam bentuk ini dalam bentuk negara atau pemerintahan yang menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

Pergerakan bentuk ini berkemampuan untuk menyumbangkan saham yang besar untuk memelihara kepentingan pembenaan dan pembaharuan semangat perjuangan ummat Islam. Ini adalah disebabkan dengan kefahaman yang mendalam terha-

dap Islam serta kesedarannya yang revolusioner telah memberi keupayaan kepadanya untuk menghuraikan dan menterjemahkan Islam serta membezakannya dari norma-norma dan nilai-nilai sosial yang disemai oleh adat kebiasaan, taqlid buta dan lain-lain faktur dan pengaruh yang berkembang di dalam masyarakat. Demikian juga ikatannya dengan sumber-sumber syari'at di kalangan ummah sehingga menggariskan dengan terang langkah-langkah dan progrem-progrem Islam yang betul yang menggabungkan ummat Islam dengan keaslian ajaran Allah itu — Seperti mengharamkan arak, mewajibkan zakat dan contoh-contoh yang lain lagi — Oleh itu ianya berupaya memelihara ummah dan memberi sahham besar yang dilakukan oleh pendokong Islam di dalam mentafsirkan Islam secara betul serta memisahkannya dari anasir-anasir kemunduran, norma-norma negatif dan adat-adat yang karut.

Dengan ini telah menukar banyak daripada kekuatan negatif kepada kekuatan positif di dalam kegiatan pembenaan. Umpamanya elemen kemunduran yang mempengaruhi wanita Islam dan perhubungan mereka dengan kaum lelaki telah menjadi mangsa serangan kotor ketamaddunan dan kemodenan Barat terhadap Islam. Kita harus meletakkan asas-asas pergaulan dan perhubungan lelaki-perempuan secara betul menurut syari'at Islam yang membezakan dari corak pergaulan mengikut sistem sosial yang membawa kepada kemunduran wanita.

Melalui landasan ini memungkinkan kita untuk membetulkan nilai-nilai akhlak keagamaan yang selama ini dicorakkan oleh aspek-aspek negatif yang membawa kepada kemunduran. Sebaliknya mengambil aspek-aspek positif yang berasaskan kepada ajaran Islam yang tulin.

Sabar umpamanya merupakan nilai akhlak Islam yang sungguh agung akan tetapi ia sering digambarkan dalam keadaan negatif yang membawa kepada kemunduran di dunia Islam. Sabar telah menjadi anasir yang melumpuhkan dan mengikat diri ummat Islam serta meniupkan ruh berdiam diri dan berpeluk tubuh serta tidak bertindak balas atau tidak sensitif terhadap isu-isu yang dihadapi oleh ummat Islam walau sebesar mana isu dan peristiwa itu sekalipun.

Ummat Islam tidak akan bangkit dan bergerak secara menyeluruh di dalam kehidupannya selagi tidak mengubah konsep sabar sedemikian rupa. Sebaliknya ummat Islam hendaklah ber-

iman dan yakin bahawa kesabaran yang sebenar adalah sabar ketika melaksanakan kewajipan serta tabah di dalam menghadapi kesulitan tatkala berdepan dengan kezaliman, thaghut dan penindasan serta mengangkat kedudukan ummah dari melalui jalan dan cita-cita yang kecil kepada matlamat yang besar. Firman Allah:

اَمْ حَسِبْتُمْ اَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللهُ الَّذِيْنَ جٰهَدُوْا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الصّٰبِرِيْنَ.

Ertinya: *Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum nyata bagi Allah orang-orang yang berjihad dan belum nyata orang-orang yang sabar.* (Ali Imran, 142)
Firman Allah:

وَمَا ضَعُفُوْا وَمَا اسْتَكَانُوْا وَاللهُ يُحِبُّ الصّٰبِرِيْنَ.

Maksudnya: *dan tidak lesu dan tidak pula menyerah (kepada musuh). Allah menyukai orang-orang yang sabar.* (Ali Imran, 146)

Mana-mana aliran sosial tidak akan mampu memahami konsep sabar kecuali Islam yang membena ummatnya dengan kefahaman sabar yang bercorak Islam dan sahih.

E — Pancaran dari langit dan peranannya dalam proses pembenaan

Manusia Eropah amat berbeza dengan manusia timur dalam berbagai hal. Tabiat dan pembawaan manusia atau masyarakat Eropah sering hanya melihat kepada anasir-anasir bumi dan tidak memandangkan kepada anasir langit.

Kristian sekalipun sebagai sifatnya yang merupakan agama yang telah diimani oleh manusia sejak beratus-ratus tahun yang lalu tidak pernah mampu untuk menguasai kecenderungan manusia barat yang sering melihat anasir bumi. Lebih jauh dari itu Tuhan langit telah diturunkan ke bumi oleh agama Masihi atau Kristian dan melihat faktur-faktur bumi semata-mata.

Pengkajian ilmiah yang dilakukan oleh mereka tidak boleh diterima langsung seperti menganggap keturunan dan kedudukan manusia seperti haiwan dan menghuraikan kemanusiaan di atas prinsip yang difahami dari anasir bumi dan persekitaran kebendaan atau fizikal semata-mata. Mereka mengkaji manusia se-

luruhnya di atas asas kekuatan yang dipancarkan dari bumi dan hubungan-hubungan kebendaan.

Pentafsiran ini tidak lari dari melihat ketuhanan hanya dari sudut bumi dengan petanda-petanda lahiriah dan ikatan yang erat dengan apa yang dialami oleh manusia Eropah yang hanya melihat dan terpengaruh dengan kehidupan duniawi dan anasir bumi. Pandangan kebumi yang melampau batas ini yang menimpa masyarakat Eropah telah membentuk nilai kebendaan dan materialisma yang membawa kepada kerakusan mereka untuk memonopoli kekayaan bumi.

Nilai ini telah melahirkan perasaan manusia Eropah yang hanya mewujudkan aliran hawa nafsu dan keseronokan dan kegunaan kebendaan semata-mata yang difikirkan oleh ahli falsafah Barat. Aliran-aliran ini yang disifatkan sebagai cetusan dari pemikiran Eropah telah melahirkan berbagai aliran pemikiran dan isma barat yang menunjukkan identiti manusia Eropah itu.

Nilai-nilai khusus materialisma dan faham eksploitasi Eropah ini telah memainkan peranan besar di dalam mencetuskan kekuatan fizikal bagi setiap individu manusia di Barat serta menggerakkan revolusi kebendaan dan pembenaan menurut faham kebendaan materialisma itu.

Dengan ini pergerakan bangsa manusia barat berjalan di atas kesedaran kepentingan Ekonomi Eropah moden yang hanya melihat aspek tersebut sahaja sebagai asas kebaikan. Bertolak dari kenyataan yang dicapai oleh pandangan ke bumi di kalangan masyarakat Eropah telah mencetuskan kekuatan ketamaddunan kebendaan yang membawa kepada berbagai bentuk perlumbaan yang rakus di atas muka bumi serta berlakunya penindasan bangsa manusia terhadap bangsa manusia yang lain. Dengan ikatan dan pengaruh bumi ini seseorang manusia barat boleh mengorbankan saudaranya sesama manusia untuk memuaskan nafsu dan kepentingan semata-mata.

Manakala manusia di Timur nampaknya berbeza dari manusia Eropah dari segi akhlak dan sistem moral mereka lantaran hubungan sejarah mereka dengan nilai-nilai agama. Adapun manusia Timur yang terdidik dengan risalah langit yang diwahyukan oleh Allah dan hidup di negara yang terdidik beberapa lama dengan pengaruh Islam mempunyai tabiat dan pembawaan yang melihat anasir langit terlebih dahulu sebelum melihat anasir bumi dan mengambil kira alam ghaib dahulu sebelum mengambil perhitungan tentang anasir kebendaan.

Perhatian mereka yang mendalam terhadap alam ghaib sebelum alam yang lahiriah serta nyata ini menunjukkan bahawa mereka mencapai tahap pemikiran yang tinggi di kalangan kehidupan ummat Islam di dunia Islam sehingga kepada peringkat pemikiran yang mengenali manusia bukan sekadar melihat ikatan kemanusiaan dengan kenyataan yang boleh dirasai dengan pancaendera.

Nilai-nilai ghaib yang mendalam ini yang teradun di dalam masyarakat Islam Timur telah membataskan kekuatan kebendaan manusia muslim dengan nilai tersebut. Suatu faktur yang membentuk manusia di dunia Islam yang dipengaruhi oleh dorongan-dorongan rohaniah di dalam hal bertindak balas terhadap persoalan kebendaan yang menolak elemen negatif seperti konsep zuhud yang sempit, konsep memadai yang lemah dan malas bergerak.

Akan tetapi pandangan hidup manusia di dunia Islam ke arah langit sebelum melihat bumi iaitu kepada sikap dan kedudukan yang negatif apabila bumi dipisahkan dari anasir langit.

Adapun apabila anasir bumi diliputi oleh anasir langit serta mengurniakan tindakan atau amalan di atas sifat melaksanakan kewajipan dan ibadah maka pandangan ghaibiyyah di kalangan manusia muslim akan bertukar menjadi kekuatan yang menggerakkan dan menjadi kekuatan yang mendorong mereka memberi saham yang besar ke arah meninggikan taraf kehidupan.

Inilah yang didokong oleh negara Islam yang melahirkan manusia yang mempunyai pandangan atau tasawwur yang mendalam terhadap anasir langit dan memberi pengertian yang benar mengenai langit serta mempengaruhi kehidupannya dengan bertindak menurut kewajipan syari'at dan beramal di atas muka bumi lahir sebagai sifat khilafah Allah terhadap seluruh makhluk.

Dengan ini tasawwur ini melahirkan kekuatan yang membena dan dalam waktu yang sama dapat memelihara kekuatan ini yang berupaya menentang penindasan. Oleh itu ummat Islam yang menjalankan usaha pembangunan dan perkembangan di bumi adalah merupakan anugerah dari langit yang memberi saham dan sumbangan besar ke arah perkembangan kebaikan sebagai khalifah-khalifah Allah yang menjauhkan diri dari konsep zuhud yang negatif yang memesungkan manusia dari tugas khilafah Allah serta mengambil konsep zuhud positif yang menye-

babkan mereka menjadi pemimpin di dunia bukan menjadi hamba dunia serta terus menerus menentang thaghut dan para penindas lainnya.

Firman Allah berikutnya:

اَلَّذِيْنَ اِنْ مَّكَّنّٰهُمْ فِى الْاَرْضِ اَقَامُوا الصَّلٰوةَ وَاٰتَوُا الزَّكٰوةَ وَاَمَرُوْا بِالْمَعْرُوْفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلّٰهِ عَاقِبَةُ الْاُمُوْرِ.

Ertinya: *(Iaitu) orang-orang yang Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar; dan kepada Allahlah kembali segala urusan.* (Al-Hajj, 41)